

A. PENDAHULUAN

Istilah organisasi mempunyai berbagai makna antaranya ia adalah satu pertubuhan atau firma atau institusi. Organisasi secara umumnya boleh didefinisikan sebagai satu unit sosial yang terdiri daripada manusia yang bekerjasama dan saling bergantung di antara satu sama lain bagi mencapai matlamat individu, kumpulan dan pertubuhan. Organisasi menghubungkan pelbagai struktur untuk menjayakan sesuatu kerja dan tugas.

Menurut Mondy (1987:302) struktur organisasi adalah satu cara menghubungkan atau mengatur sumber manusia yang terdapat di dalam sesuatu institusi. Ia dapat menerangkan kepada kita mengenai kedudukan dan peranan orang yang menduduki organisasi itu. Jalinan hubungan yang didirikan oleh kedudukan dan peranan adalah penting agar organisasi dapat berfungsi.

Wan Azmi (1990:11) menyatakan organisasi ialah satu tindakan untuk mencapai tujuan-tujuan yang sempurna. Ini secara meletakkan perkara-perkara yang mustahak untuk melahirkan perhubungan-perhubungan yang lebih sistematik di kalangan mereka. Oleh yang demikian organisasi bertugas sebagai satu agensi yang mengadakan dan mempercepatkan tindakan untuk pencapaian sesuatu tujuan yang dihasratkan ataupun termaktub.

Dalam konteks Pusat Sukan adalah penting kita meneliti struktur organisasi dan fungsi pentadbirannya. Ini kerana struktur organisasi dan fungsi pentadbiran yang akan menjadi alat untuk melaksanakan segala falsafah dan matlamat yang telah dibincangkan dalam bab yang lalu. Penelitian ini secara tidak langsung akan menerangkan kepada kita kedudukan dan peranan pegawai-pegawai di Pusat Sukan di dalam usaha mereka mentadbir dan membangunkan kegiatan sukan di Universiti Malaya.

Persoalan yang penting di sini ialah adakah Pusat Sukan telah dapat menjadi satu sistem interaksi yang dinamik, kreatif, bertanggungjawab dan saling sokong-menyokong antara komponen-komponen utama dalam kewujudan kegiatan sukan di kalangan pelajar di universiti ini. Komponen-komponen utama yang dimaksudkan ialah Pentadbiran Universiti, Pentadbiran Asrama, Pentadbiran Fakulti dan pelajar-pelajar.


Pengertian komponen-komponen yang utama perlu ditakrifkan supaya pertindihan maksud tidak berlaku. Pentadbiran Universiti bermaksud Majlis Universiti dan Hal Bakal Pelajar. Pentadbiran Fakulti bermaksud Dekan Fakulti dan pensyarah-pensyarah. Pentadbiran Asrama bermaksud Pengetua, penyelia dan Jawatankuasa Perkembangan Sukan dan Pasmami. Komponen pelajar ialah semua pelajar yang berdaftar dan menuntut di Universiti Malaya.

B. Struktur Organisasi

Secara am, sistem atau organisasi pentadbiran Pusat Sukan ditanggapi mengikut carta organisasi 4.1. Carta organisasi ini menunjukkan dengan jelas kedudukan dan perhubungan di antara setiap kedudukan. Ia adalah satu panduan yang ringkas dan cepat untuk menunjukkan cara perjalanan organisasi kepada orang luar. Walaupun tujuan asal carta organisasi itu dirajahkan seperti itu untuk menjelaskan garis tanggungjawab dalam pentadbiran Pusat Sukan namun beberapa perkara tersirat yang tersembunyi di sebalik rajah itu amat perlu diteliti untuk kepentingan latihan ilmiah ini.

Perlu diambil perhatian bahawa walaupun struktur organisasi telah dirajahkan sedemikian rupa tetapi hanya beberapa bahagian struktur organisasi itu yang sebenarnya berfungsi pada masa kini. Ini kerana terdapat beberapa jawatan yang masih di dalam perbincangan Majlis Universiti sebelum diserahkan kepada Jabatan Perkhidmatan Awam supaya diluluskan kedudukan-kedudukan itu. Walaupun perbincangan keseluruhan tidak akan dilakukan di sini tetapi komponen-komponen penting struktur organisasi ini akan dibincangkan. Perbincangan akan dibahagikan kepada dua bahagian iaitu struktur organisasi yang sebenarnya berfungsi dan struktur organisasi yang diidamkan.


RAJAH 4.1 : CARTA ORGANISASI PUSAT SUKAN



C Struktur Organisasi Yang Sebenarnya Berfungsi

Berdasarkan kepada pengalaman penulis bersama-sama Pusat Sukan selama tiga tahun terpaksa diakui hakikatnya bahawa sistem yang ada sekarang tidak dapat dianggap sebagai sistem yang lengkap dan sempurna untuk melaksanakan sebarang falsafah dan matlamat Pusat Sukan. Artinya banyak yang perlu diperbaiki, sama ada mengenai aspek aspek kewujudan sesebuah komponen ataupun mengenai interaksi antara berbagai-bagai komponen dalam sistem yang berjalan sekarang ini. Oleh itu seluruh komponen utama yang terlibat dalam sistem ini perlu diteliti kembali. Struktur organisasi yang sebenarnya berfungsi adalah seperti rajah 4.2 di bawah :

RAJAH 4.2 : STRUKTUR ORGANISASI SEBENARNYA BERFUNGSI



PKS = PENOLONG PEGAWAI KEMAJUAN SUKAN

Sekiranya dirujuk carta organisasi di atas didapati bahawa komponen-komponen utama yang terlibat dalam mengelolakan kegiatan sukan pelajar telah tercicir. Kedudukan Pentadbiran Universiti, Pentadbiran Fakulti dan Pentadbiran Asrama iaitu Jawatankuasa Sukan dan Jasmani Asrama-asrama (JKP Sukan) tidak terdapat dalam rajah tersebut. Keadaan ini seolah-olah telah mengabaikan peranan atau kehadiran komponen-komponen ini di dalam kegiatan sukan.

Walaupun Pusat Sukan baru berusia lima tahun pengiktirafannya sebagai Pusat Sukan tetapi ia sebenarnya belum layak lagi disebut demikian. Pusat Sukan belum dapat menempatkan dirinya sebagai paksi bagi semua kegiatan sukan di kampus dan tidak mampu mengujudkan satu sistem interaksi yang cekap dengan badan-badan kegiatan sukan pelajar seperti JKP Sukan dan Jasmani asrama. Sebagai badan induk sukan ia sepatutnya dapat mengikat dan meninteraksikan semua JKP Sukan dan Jasmani asrama supaya mempunyai satu matlamat bersama. Apa sebenarnya yang berlaku ialah semua JKP Sukan dan Jasmani asrama mempunyai matlamat dan objektif masing-masing yang tidak selaras dengan falsafah dan matlamat Pusat Sukan.

Polisi sukan di Asrama Bestari menurut Laporan JKP Sukan Asrama Bestari sesi 1990/91 ialah :

- i. Merangka dan mengamalkan satu sistem perancangan, pengurusan dan organisasi sukan di mana setiap individu diberi peluang untuk memimpin kegiatan sukan.
- ii. Merangka dan mengamalkan program-program sukan yang berbentuk jangka pendek dan jangka panjang.
- iii. Mengketengahkan bakat sukan dan kepimpinan di kalangan penghuni.
- iv. Mengamalkan pengkategorian dalam kegiatan sukan iaitu bahagian kemudahan dan kelengkapan, promosi dan publisiti serta analisa dan penilaian.
- v. Mengujudkan suatu masyarakat yang cergas dan cerdas serta mempunyai personaliti yang boleh dibanggakan.

Sebaik sahaja satu sesi tamat, Pengerusi JKP Sukan akan meletakkan jawatan dan Pengerusi JKP Sukan yang baru akan dipilih melalui sistem pilihanraya asrama. Pengerusi baru pula mempunyai tanggapan dan persepsinya sendiri terhadap sukan dan melaksanakan polisi sukan yang baru.

Polisi sukan Asrama Bestari tersebut berubah pada sesi 1992 seperti berikut :

- i. Menambahkan lebih banyak peralatan-peralatan sukan serta merangka jadual latihan yang lebih berkesan dan sistematik.
- ii. Mengorganisasikan pertandingan Seni Silat dengan berjayaanya.
- iii. Melakukan promosi yang meluas serta mengorganisasikan beberapa pertandingan bagi catur.
- iv. Menjadi tuan rumah untuk delegasi-degasi sukan dan kreatif dari universiti-universiti luar.

Dengan ini tidak ada kesinambungan di dalam polisi sukan asrama. Sekiranya Pengerusi JKP Sukan merupakan seorang yang limited maka pelajar-pelajar yang tinggal di asrama akan mempunyai peluang kemajuan sukan yang baik atau sebaliknya. Jika Pengerusi tersebut hanya setakat memegang jawatan sahaja.

Komponen Pentadbiran Universiti melalui Pihak Hal Ehwal Pelajar (HEP) menggariskan dimensi perkembangan sukan dan jasmani sebagai berikut :


- i. Sedar tentang pentingnya sukan dan jasmani
- ii. Sedar tentang hubungan minda sihat dengan tubuh sihat
- iii. Berinteraksi, bersefahaman dan bersatupadu melalui kegiatan sukan dan jasmani
- iv. Berdisiplin diri melalui kegiatan sukan dan jasmani
- v. Meningkatkan bakat dan potensi ke peringkat kecemerlangan
- vi. Bersemangat persaingan sihat dalam semua bidang melalui kegiatan sukan dan jasmani
- vii. Melibatkan diri dalam kegiatan sukan dan jasmani.

Walaupun penulis tidak mendapat maklumat mengenai polisi sukan yang diamalkan oleh Pentadbiran Fakulti tetapi daripada tinjauan yang dibuat pernah satu ketika dahulu diadakan perlawanan sukan di antara pensyarah dan pelajar yang bertujuan untuk merapatkan hubungan mereka. Akan tetapi pada masa ini perlawanan sedemikian telah diberhentikan.

Apa yang jelas ialah terdapat pelbagai komponen yang terlibat di dalam mengelolakan aktiviti sukan di universiti dan setiap komponen mempunyai polisi sukannya masing-masing. Walaupun terdapat bertindihan objektif-objektif yang digariskan tetapi ini tidak bermakna bahawa semua komponen mempunyai tujuan yang sama.

Dalam hal ini Pusat Sukan sepatutnya dapat bertindak menjadi badan penyelaras, pengelola dan perancang aktiviti sukan di kampus. Akan tetapi disebabkan interaksi yang lemah dengan komponen-komponen yang tersebut di atas maka pelbagai aktiviti sukan menjadi tidak terancang dan hanya berobjektif jangka pendek dilaksanakan. Ini ditunjukkan oleh rajah 4.3 di bawah.

RAJAH 4.3 : INTERAKSI DI ANTARA KOMPONEN-KOMPONEN UTAMA DENGAN PUSAT SUKAN



--- GARIS PUTUS-PUTUS MELAMBANGKAN INTERAKSI YANG LEMAH

Namun keadaan ini wujud bukan kerana Pusat Sukan tidak pernah mencuba untuk menginteraksikan komponen-komponen itu tetapi komitmen yang ditunjukkan amat mengecewakan. Pada sesi 1990/91 sebuah Jawatankuasa Pengerusi JKP Sukan Asrama-asrama cuba dibentuk tetapi beberapa Pengerusi JKP Sukan enggan menyertainya kerana merasakan ia adalah beban tambahan kepada tugas mereka di asrama. Beberapa kali Pengetua-pengetua asrama diminta untuk menghadiri mesyuarat bersama tetapi respon yang diberi agak dingin.

Pusat Sukan telah menubuhkan sebuah Lembaga Pusat Sukan yang terdiri daripada Naib Canselor, Timbalan-timbalan Naib Canselor dan Dekan-dekan setiap fakulti akan tetapi sehingga kini lembaga tersebut tidak pernah bermesyuarat. Pentadbiran Universiti melalui pihak HEP berperanan hanya setakat menyumbangkan sumber kewangan yang perlu dibayar untuk yuran MASUM setiap tahun. Apabila tiba Minggu Haluansiswa pihak HEP akan meminta Pusat Sukan untuk mengendalikan kegiatan sukan untuk pelajar-pelajar baru.

Sebuah Jawatankuasa Tetap Program Pusat Sukan juga ditubuhkan yang terdiri daripada wakil-wakil setiap fakulti. Ianya bersidang setahun sekali untuk membincangkan penglibatan pelajar di dalam aktiviti sukan di universiti. Akan tetapi kedatangan wakil-wakil fakulti amat mengecewakan dan akibatnya maklumat mengenai penglibatan pelajar tidak sampai kepada Dekan-dekan fakulti. Oleh kerana kekurangan maklumat pihak fakulti enggan memberi pelepasan kepada pelajar-pelajar untuk melibatkan diri dalam aktiviti sukan. Misalnya pada tahun 1990 seorang pelajar Fakulti Sains telah dipilih mewakili negara di dalam Sukan Asia di Beijing, China tetapi dia tidak mendapat pelepasan.

Sewaktu Kejohanan Olahraga Tahunan Universiti Malaya ke-27 pada sesi 1991/92 sedikit-sebanyak Pusat Sukan melalui Kelab Olahraga Universiti Malaya (KOUM) telah cuba menginteraksikan komponen-komponen ini tetapi pada kali ini komponen Pentadbiran Fakulti tidak memainkan peranannya. Para-dekan yang dijemput tidak menghadiri kejohanan itu. Ini seolah-olah menunjukkan kekurangan minat pihak fakulti terhadap penglibatan pelajar di dalam aktiviti sukan.

Sebagai pusat aktiviti sukan di kampus status Pusat Sukan juga boleh dipersoalkan. Sepatutnya ia menjadi sebuah badan yang berautonomi seperti Pusat Komputer dan Pusat Asasi Sains tetapi Pusat Sukan masih berada di bawah kawalan pihak Hal Ehwal Pelajar dan pihak Majlis Universiti. Ini bermakna segala aktiviti yang dirancangkannya mesti mendapat restu pihak HEP dan sumber kewangan yang diperoleh melalui penajaan badan-badan swasta terpaksa mendapat kelulusan Pendaahari Universiti Malaya sebelum dibelanjakan.

Sebagai pusat aktiviti sukan di kampus status Pusat Sukan juga boleh dipersoalkan. Sepatutnya ia menjadi sebuah badan yang berautonomi seperti Pusat Komputer dan Pusat Asasi Sains tetapi Pusat Sukan masih berada di bawah kawalan pihak Hal Ehwal Pelajar dan pihak Majlis Universiti. Ini bermakna segala aktiviti yang dirancangkannya mesti mendapat restu pihak HEP dan sumber kewangan yang diperolehi melalui penajaan badan-badan swasta terpaksa mendapat kelulusan Bendahari Universiti Malaya sebelum dibelanjakan. Sehingga kini tiada bangunan khas dibina untuk Pusat Sukan dan buat masa ini kedudukannya adalah di bangunan Baktasiswa yang bersifat sementara sahaja.

Pertindihan tugas merupakan satu masalah yang dihadapi oleh komponen penolong pegawai kemajuan sukan yang berkhidmat di Pusat Sukan. Setiap penolong pegawai terpaksa melakukan tugas-tugas pentadbiran di samping tugas-tugas profesionalnya. Mereka ditugaskan menyelaraskan lebih daripada enam jenis kegiatan sukan. Mereka juga menjadi jurulatih pasukan permainan dan mengendalikan segala urusan berkenaan dengan pemain. Ini sudah tentu menyebabkan bebanan tambahan kepada tugas mereka.

Penyaluran maklumat mengenai aktiviti Pusat Sukan juga agak lemah. Sebagai institusi bertaraf pusat ia sepatutnya mempunyai buletin sukan yang dapat menyebarkan maklumat-maklumat sukan kepada pelajar. Hanya mereka yang terlibat dengan aktiviti sukan sahaja yang mengetahui perkembangan sukan di kampus. Penglibatan ramai pelajar tersekat kerana mereka tidak tahu bila sesuatu aktiviti sukan akan dijalankan. Ini berlaku terutamanya bagi pelajar-pelajar yang tinggal di luar kampus. PUSPITA, sebuah badan bagi pelajar-pelajar yang tinggal di luar kampus hanya mempunyai seorang setiausaha sukan yang mengendalikan hampir 4,500 orang pelajar bukan penghuni asrama. Keadaan begini sudah tentu akan menghilangkan minat pelajar untuk bergiat dalam sukan. Sekali-sekala berita sukan dimuatkan di dalam majalah Budiman tetapi kritikan-kritikan mengenai sukan tidak dimuatkan. Majalah Suara Siswa keluaran Persatuan Mahasiswa Universiti Malaya (PMUM) langsung tidak memberi ruang untuk bahagian sukan kerana pucuk pimpinannya dipengaruhi oleh unsur-unsur politik yang kuat.

Maka tidak hairanlah apabila kita hadapi kesan-kesan negatif seperti berikut :


- i. Inisiatif ke arah kemajuan sukan di kampus terletak pada pentadbiran Pusat Sukan semata-mata. Inisiatif dan inovasi daripada sumber-sumber lain seperti Pentadbiran Fakulti beku menurut kelaziman yang ada pada sistem tersebut.
- ii. Sistem yang ada gagal mengoptimalkan potensi yang ada di asrama menerusi JKP Sukan. Kegagalan untuk menginteraksikan semua JKP Sukan asrama menyebabkan falsafah dan matlamat sukan tidak dapat disampaikan.
- iii. Sebahagian daripada pelajar beranggapan bahawa Pusat Sukan berfungsi untuk menyediakan peralatan-peralatan dan kemudahan- kemudahan sukan untuk mereka tetapi tidak bertanggungjawab membalas balik kepada Pusat Sukan untuk kemajuan sukan kampus. Pelajar-pelajar tidak sanggup bersikap suka rela untuk membantu menjalankan kegiatan sukan yang dianjurkan oleh Pusat Sukan.

Untuk mencari penyelesaian terhadap keadaan yang tidak memuaskan seperti yang digambarkan tadi, maka Pusat Sukan memerlukan satu sistem interaksi yang dipercayai akan dapat meningkatkan pemanfaatan sumber dan pengeksploitasian potensi secara optima. Seterusnya diyakini pencapaian falsafah dan matlamat Pusat Sukan akan dapat dilakukan dengan lebih berkesan.

D. Struktur Organisasi Yang Diidamkan

Untuk mengatasi masalah-masalah yang disebutkan tadi maka komponen-komponen baru perlu diadakan di dalam struktur organisasi Pusat Sukan. Komponen-komponen yang dimaksudkan telah dilihat dalam rajah 4.4 di bawah :

RAJAH 4.4 : STRUKTUR ORGANISASI YANG DIIDAMKAN



TEMA:Pusat Sukan

Dalam rajah , Pengarah digambarkan sebagai satu komponen utama yang mempunyai hubungan secara langsung dengan komponen-komponen yang lain. Ini sekaligus memperlihatkan kedudukannya yang pivotal dan strategik yang memberikan kemungkinan yang sangat banyak kepada institusi pengarah ini untuk menjadi pusat saraf dan daya penggerak yang utama.

Akan tetapi orang yang akan menduduki jawatan ini berubah-ubah setiap lima tahun. Apa yang dikhuatiri oleh Pusat Sukan ialah jika pengarah yang baru mempunyai falsafah sukannya sendiri maka keseluruhan perubahan yang baru dirancang terpaksa dirombak semula.

Untuk menangani masalah ini maka telah diwujudkan jawatan Pegawai Kemajuan Sukan Kanan iaitu satu jawatan tetap di mana dialah yang menjadi Ketua Pusat Sukan (KPS) walaupun menerima arahan-arahan daripada pengarah. KPS akan bertanggungjawab melaksanakan falsafah dan matlamat Pusat Sukan yang telah dibentuk. Beliau mesti mempunyai pengetahuan yang luas falsafah pendidikan sukan dan hubungan serta sumbangannya kepada Institut Pengajian Tinggi. Sebarang usaha pembangunan dan pengendalian program-program sukan, KPS mesti memastikan ia melibatkan kedua-dua pelajar dan kakitangan.

Adalah menjadi tanggungjawab KPS untuk memastikan suatu program intramural yang tersusun dijalankan. Ia juga mesti memberi penekanan kepada keperluan-keperluan pelajar dan kakitangan dalam polisinya, belanjawan, penggunaan kemudahan dan peralatan serta perancangan aktiviti sukan dan rekreasi.

Oleh itu jika adanya seorang Ketua Pusat Sukan maka segala falsafah dan matlamat yang dirangka akan tetap dilaksanakan walaupun akan berlaku perubahan pengarah setiap lima tahun. Akan tetapi memang tidak dapat dielakkan bahawa perwatakan dan peribadi pengarah sudah tentu akan mempengaruhi sebarang pelaksanaan falsafah dan matlamat sukan di Universiti Malaya.

1. Bahagian Kemajuan Sukan

Sebagaimana dibincangkan dalam struktur pentadbiran yang berfungsi, Bahagian Kemajuan Sukan adalah bahagian yang paling sibuk di Pusat Sukan. Bahagian ini telah menghadapi pelbagai masalah kerana terpaksa mengendalikan kedua-dua tugas profesional dan pentadbiran. Berdasarkan struktur pentadbiran yang diidamkan pula beberapa fungsi pentadbiran dan profesional akan diagih-agihkan berdasarkan konsep division of labour atau pengasingan tugas. Tugas-tugas yang bercorak pentadbiran dan akademik akan dikelolakan oleh bahagian Pentadbiran dan Akademik dan Penyelidikan.

Oleh itu, Pegawai Kemajuan Sukan kini mempunyai peranan untuk membantu KPS dalam seluruh program sukan dan rekreasi untuk pelajar dan kakitangan di Universiti Malaya. Pegawai KPS menyediakan dan menyelaras tugas-tugas yang akan dilaksanakan oleh Penolong Pegawai Kemajuan Sukan. Ia juga mewakili Pengarah atau Ketua Pusat Sukan dalam mesyuarat, seminar serta lain-lain tugas yang diarahkan oleh pegawai atasannya dari semasa ke semasa.

Tugas-tugas profesional pula ialah mengatur dan menaungi program sukan dan pertandingan-pertandingan yang dianjurkan oleh Pusat Sukan. Ia juga membantu dan menyediakan program-program sukan asrama, persatuan, fakulti dan individu. Pegawai ini juga menyelia dan mengawasi tugas-tugas penolongnya dalam urusan membuat anggaran perbelanjaan pengeluaran sukan.

Walaupun bagaimanapun bahagian ini tetap menjalankan terlalu banyak fungsi dan bilangan pelajar dan kakitangan yang terlibat juga terlalu ramai untuk dikendalikan. Oleh itu satu komponen baru yang telah diwujudkan ialah Kelab-Kelab Sukan.

Kelab-kelab Sukan ini dipengerusikan oleh kakitangan universiti seperti pensyarah dan pengetua asrama yang mempunyai minat dan komited terhadap sesuatu sukan. Setiap usaha kelab pula terdiri daripada Kapten Pasukan Universiti. Ahli-ahli Jawatankuasa kelab terdiri daripada Kapten-kapten asrama dan pemain-pemain universiti. Setiap permainan mempunyai kelabnya sendiri. Setakat ini telah wujud dua buah kelab seperti ini iaitu Kelab Olahraga Universiti Malaya (KOUM) dan Kelab Bolasepak Universiti Malaya (KBUM).

Pusat Sukan berharap dengan adanya kelab sedemikian pelaksanaan program intramural dapat berlaku dengan lancar. Di samping ia mengurangkan beban kerja bahagian kemajuan sukan, kelab-kelab ini memberi peluang kepada pelajar-pelajar berorganisasi dan meningkatkan daya kepimpinan mereka dengan mengelolakan aktiviti sukan. Dengan adanya kelab-kelab ini seolah-olahnya nampak ada satu sistem interaksi di antara komponen Pentadbiran Pusat Sukan, Pentadbiran Asrama, Pentadbiran Fakulti dan pelajar-pelajar. Akan tetapi struktur baru ini masih mengabaikan peranan satu lagi komponen utama iaitu Pentadbiran Universiti. Masih tiada ada usaha-usaha yang konkrit untuk menginteraksikan Pentadbiran Universiti dengan komponen-komponen yang lain. Ini sudah tentu merupakan satu kelemahan di dalam sistem yang telah diwujudkan kerana komponen ini yang menentukan arah-gasar universiti. Keadaan ini seterusnya sudah tentu akan melambatkan proses pelaksanaan falsafah dan matlamat sukan yang digariskan oleh Pusat Sukan.


Bahagian Pentadbiran

Pentadbiran adalah satu fungsi yang menetapkan, menentukan dan memperjelaskan sesuatu, membuat dasar-dasar dan peraturan, memberi penugasan kewibawaan, pilihan, penyediaan dan latihan kakitangan, mengumpulkan serta mengelola-aturkan segala kemudahan-kemudahan yang terdapat dan sesuai, dengan ini nanti segala tujuan organisasi dapat tercapai atau terlaksana.

Menurut Wan Azmi Ramli (1990:167) seorang pentadbir akan menadiki untuk mengarah dan menyelaras semua operasi dengan diperbentukan oleh kakitangan yang sesuai. Ia bertanggungjawab kepada mutu dan kekesanan terhadap keseluruhan seluruh agensi atau organisasi dan untuk melihat bahawa segalanya dijalankan dengan baik dan sempurna mengikut masa yang telah ditetapkan. Ia menentukan dan menetapkan segala tindak-tanduk serta arah kerja agensi.

Dalam struktur yang diidamkan ini diwujudkan bahagian Pentadbiran iaitu satu jawatan Pegawai Tadbir. Keseluruhan tugas pegawai tadbir ini melibatkan hal-hal pengurusan pejabat dan pekerja Pusat Sukan. Kewajudan bahagian ini juga akan membolehkan Pusat Sukan bersifat autonomi dan tidak perlu berada di dalam kawalan pihak HEP. Bahagian-bahagian yang dalam Pusat Sukan seperti Urusetia, teknik dan pengurusan kemudahan-kemudahan sukan seperti pegawai padang dan pengurus kolam bertanggungjawab kepada bahagian ini. Bahagian Pentadbiran akan membantu Ketua Pusat Sukan memastikan pengurusan Gimnasium, bilik multigym, gelanggang badmasy, kolam renang, gelanggang tenis dan padang-padang permainan. Namun semua tugas ini pada masa ini dilaksanakan oleh bahagian urusetia sahaja. (Sila rujuk rajah 4.5)

RAJAH 4.5 : BAHAGIAN PENTADBIRAN PUSAT SUKAN



PEKERJA Pusat Sukan

Suatu perkara yang perlu diteliti ialah dengan penambahan kemudahan-kemudahan sukan secara relatif pekerja juga perlu ditambah untuk menguruskan kemudahan-kemudahan itu. Antara kekurangan pekerja yang perlu dipenuhi ialah kekurangan jurutaip, jurutrenkas, pengurus padang dan pekerja am. Pertambahan pekerja bererti beban tambahan kepada bahagian pentadbiran kerana akan timbul masalah berkaitan dengan gaji, cuti sakit, cuti tahunan, cuti bersalin, kerja lebih masa dan kerja gantian.

Oleh itu dengan adanya bahagian pentadbiran, Pusat Sukan akan dapat menguruskan dengan cekap sumber-sumber manusia dan kemudahan-kemudahan sukan yang akan dibangunkannya. Ini akan membuka peluang ke arah sebuah Pusat Sukan yang lebih berautonomi.

Bahagian Akademik dan Penyelidikan

Sehingga kini, pegawai-pegawai Pusat Sukan banyak mengikuti kursus di pelbagai institut sukan seperti Majlis Sukan Negara (MSN) dan Majlis Sukan Universiti Malaya (MSUM) tetapi pernah menjalankan penyelidikan sukan di peringkat Pusat Sukan. Mereka hanya menumpukan idea-idea yang diperolehi daripada kursus tanpa improvisasi. Ini menyebabkan mereka tidak boleh dianggap pakar kerana masih di peringkat pelajar.

Salah satu syarat utama untuk Universiti Malaya mencapai matlamat dalam sukan ialah diwujudkan golongan pakar dalam pelbagai bidang sukan seperti falsafah sukan, pentadbiran sukan, perhubungan sukan, pengurusan kemudahan sukan, pengurusan kewangan sukan, psikologi sukan, sains sukan, perubatan sukan, fisiologi sukan, terapi dan pemulihan sukan dan pemakanan sukan.

Penyelidikan di peringkat awal ini akan diteraskan kepada beberapa aspek keperluan dalam kampus dan dalam negara secara umum. Pusat Sukan juga merancang mendapatkan maklumat-maklumat tempatan yang belum ada mengenai budaya sukan, dayakuasa, keimbuhan, kekuatan, kelenturan, kepantasan, ketahanan, ketangkasan dan koordinasi.

Dengan adanya bahagian akademik dan penyelidikan ini Pusat Sukan akan menjadi pusat sumber segala maklumat, rekod dan hasil kaji selidik yang tersimpan secara tersusun dan sistematik. Pusat Sukan juga akan memainkan peranan sebagai pusat yang melahirkan idea-idea yang komediannya diuji secara praktik oleh para juru latih. Jurulatih sukan kemudian dikehendaki menyampaikan maklumbalas yang rapi kepada pakar-pakar di Pusat Sukan mengenai kelebihan-kelebihan serta kelemahan-kelemahan idea-idea itu.

Bahagian ini juga bertanggungjawab menyediakan laporan aktiviti sukan pelajar yang dianjurkan oleh Pusat Sukan. Ia juga mendapat, mengumpul dan memproses data dan maklumat sukan untuk laporan dan rujukan.

Antara tugas-tugas profesional ialah menjalankan kursus-kursus pengadilan, kejurulatihan dan kepegawaian. Semua kursus adalah bercorak profesional dan peperiksaan akan diadakan oleh badan-badan profesional dan antarabangsa. Pelajar apabila keluar bekerja nanti akan mempunyai sijil antarabangsa ini dan boleh melibatkan diri dalam mana-mana sukanpun seperti Sukan Asia sebagai jurulatih, pengadil atau pegawai.

Bahagian ini juga akan menyebarkan maklumat-maklumat di seluruh kampus melalui buliten sukan dan publisiti besar-besaran. Dengan ini diharap semua aktiviti sukan yang dikendalikan oleh Pusat Sukan akan mendapat perhatian dan penglibatan semua pihak di kampus.

Namun bahagian ini juga tidak terkecuali daripada masalah kerana kekurangan tenaga akademik, pengadil, atletik dan pegawai perhubungan awam adalah sesuatu yang sukar diatasi.

3. Kesimpulan

Struktur pentadbiran Pusat Sukan yang ada sekarang berfungsi secara rutin tetapi tiada kepastian dari segi arah tujuan dan pencapaian falsafah dan matlamat Pusat Sukan. Oleh itu sistem yang ada sekarang perlu dirombak dari segi strukturnya, sikap dan tindakan setiap pihak. Sekiranya Universiti meluluskan jawatan-jawatan yang dirancang seterusnya diperkenan oleh JPA maka Pusat Sukan akan mendapat statusnya sebagai sebuah pusat.

Dengan adanya suatu sistem idaman sedemikian maka :

i. ia menggalakkan interaksi dan konsultasi yang lebih intensif dan dengan demikian menjamin proses pengambilan keputusan yang segera

ii. menggalakkan perjalanan informasi yang lebih lancar dan sering hingga memungkinkan pengenalpastian masalah dengan segera dan cekap. Keadaan ini seterusnya akan mencetuskan idea-idea ke arah inovasi dan pembaharuan.

iii. menggalakkan pengakademikan sukan.

Dengan ini, Pusat Sukan akan dapat melahirkan lebih ramai individu-individu yang sedia bersaing, handal, terpengetahuan dan melibatkan diri sama ada dalam bidang sukan mahupun akademik. Penglibatan pelajar juga akan meningkat kerana organisasi akan dapat berfungsi dengan cekap dan berkesan.

Akan tetapi sistem idaman ini juga akan menghadapi masalah seperti kekurangan kakitangan, pemberian gaji dan pampasan dan pemberian gaji dengan peningkatan bilangan jawatan.

Sistem idaman ini masih tidak lengkap kerana ia masih
memerlukan peranan komponen Pentadbiran Universiti. Oleh
itu, Pusat Sukan perlu mengujudkan satu interaksi yang kukuh
dengan komponen ini agar pelaksanaan falsafah dan matlamat
yang digariskan akan tercapai. Untuk itu penulis telah
rencanakan satu sistem interaksi yang akan menghubungkan
komponen di dalam bab VII.